

13/04/1998

Pelaburan Ehsan Wanita dapat pulangan 13 peratus

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelaburan Tabung Ehsan Wanita yang dilancarkan sejak 8 Februari lalu kini sudah memberi pulangan tambahan sebanyak 13 peratus.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Zaharah Sulaiman, berkata pulangan tambahan itu adalah hasil pelaburan sehari berjumlah RM300,000 oleh 1,000 pelabur pada hari pelancaran tabung berkenaan.

Menurutnya, pelabur berpuas hati dengan pelaburan ehsan yang dibuat kerana sudah memberi pulangan yang memuaskan dalam tempoh yang singkat.

Sehubungan itu, katanya, Skim Amanah Saham Wanita yang diumumkan selepas Tabung Ehsan Wanita akan dilancarkan 5 Mei depan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Prospektus mengenai skim amanah itu kini di peringkat akhir dan akan dikeluarkan minggu depan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan bengkel seri hias Anjung Seri 98, di sini hari ini.

Seramai 50 peserta menyertai bengkel sehari anjuran Anjung Seri, majalah hiasan dalaman, seni bina dan lanskap berbahasa Melayu, terbitan Berita Harian Sdn Bhd dengan kerjasama Hotel Vistana Kuala Lumpur.

Zaharah berkata, maklumat lanjut mengenai pengurusan dana profesional skim itu akan diumumkan akhir bulan ini.

Beliau berkata, setakat ini kerajaan bersetuju sebanyak satu bilion unit saham dengan dana permulaan sebanyak RM500 juta bagi skim amanah saham itu dengan harga 50 sen seunit saham.

Menurutnya, skim Amanah Saham Wanita itu akan diuruskan oleh Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd dan Hijrah Managers Berhad, kumpulan pakar dan profesional dalam bidang saham yang turut menguruskan Tabung Ehsan Wanita.

"Pelabur Tabung Ehsan Wanita akan diberi pilihan sama ada memindahkan pelaburan mereka ke skim Amanah Saham Wanita atau mengekalkannya dalam Tabung Ehsan Wanita.

"Mereka juga boleh mengeluarkan keseluruhan hasil simpanan mereka dan menutup akaun pelaburan masing-masing," katanya.

(END)